



- iii. Sijil Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

[Gaji Permulaan ialah pada Gred N5 : RM1,650.00 atau

- iv. Diploma dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

[Gaji Permulaan ialah pada Gred N5 : RM1,893.00 atau

- 3. SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian dalam subjek Bahasa Melayu (sekurang-kurangnya Gred C) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
- 4. MAKSUD MEMILIKI KELAYAKAN SPM BAGI JAWATAN INI : Kepujian bagi dua (2) subjek mata pelajaran termasuk Bahasa Melayu **serta** empat (4) subjek lulus.
- 5. SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN 5.1 Pegawai sedang berkhidmat dalam skim perkhidmatan Pembantu Tadbir (Penkeranian/ Operasi), Pembantu Tadbir (Kewangan) atau Pembantu Setiausaha Pejabat/ Setiausaha Pejabat Gred N1 dan Gred N2 adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Tadbir Gred N5, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan ;
  - a)
    - i. mempunyai kelayakan di perenggan (c) ; atau
    - ii. lulus Peperiksaan Khas ; dan
  - b) Had umur pelantikan :
    - i. berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun : atau
    - ii. berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun : atau
    - iii. berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

- c) Memperoleh purata markah Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LNPT) sekurang-kurangnya 80% bagi tiga (3) tahun terkini;
- d) Diperaku oleh Ketua Jabatan / Ketua Perkhidmatan;
- e) Bebas daripada hukuman tatatertib pada tahun semasa;
- f) Telah mengisytiharkan harta;
- g) Lulus tapisan keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM);